



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor/Pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di bawah Bidang Kod yang berkaitan dan bertaraf **Bumiputera** serta berdaftar dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang** seperti butiran di bawah dengan pendaftaran masih sah tempohnya adalah di pelawa untuk membuat tawaran harga bagi kerja-kerja berikut:-

NO TAWARAN	TAJUK PROJEK	SIJIL KELAYAKAN	MAKLUMAT TAKLIMAT SEBURHARGA	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
PHN.PHG. 49/2021 (UPKT)	Perkhidmatan Membekal Logo/Lencana Jabatan, Dompot Pengenalan Diri/kad kuasa dan Buku Catitan Harian untuk Jabatan Perhutanan Negeri Pahang	Kementerian Kewangan kod Bidang : 020803,010201	Tarikh: 22 Mac 2021(Isnin) Masa: 10.30 Pagi Tempat: Pejabat Unit Penguatkuasaan, Tingkat 2, KOMTUR, Kuantan	Tarikh: 29 Mac 2021 (Isnin) Masa: 12:00 Tgh Hari

2. Kontraktor hendaklah menghadiri Taklimat pada tarikh tersebut. Wakil kontraktor yang hadir perlulah mempunyai surat wakil dari kontraktor bagi tujuan ini. Wakil yang hadir tanpa surat perwakilan adalah tidak dibenarkan untuk mendengar taklimat dan membeli borang Sebutharga.

3. Borang-borang Sebutharga boleh di beli di **Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 2, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur** mulai pada **22 Mac 2021 (Isnin)** dengan menyertakan **wang pos, kiriman wang, Bank Draf, dan Cek** berharga **RM 20.00** yang di buat atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**". Bayaran secara Wang Tunai tidak akan diterima.

4. Kontraktor yang ingin membeli Borang Sebutharga dikehendaki membawa sijil asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Sijil Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera** yang masih sah laku tempohnya.

5. Dimaklumkan juga bahawa kenyataan tawaran sebutharga tersebut boleh di muat turun dengan melayari laman sesawang jabatan iaitu <http://forestry.pahang.gov.my>.
6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di **Pejabat Perhutanan Negeri** dan surat mestilah dialamatkan kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**
7. Tarikh tutup bagi sebutharga ini adalah pada **29 Mac 2021 (Isnin) jam 12.00 tengahari.** Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Penguatkuasaan Pahang Timur
Pejabat Penguatkuasaan Pahang Timur
Tingkat 2, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota
25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**